

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
GLOBAL CARRIERS BHD

DISEDIAKAN OLEH :

MOHD SUHAIDI BIN SUHAIMI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2005

N: 2288

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039916

LI 42 FPE 2 2005



1100039916

## Laporan akhir latihan industri di Global Carriers Bhd / Mohd Suhaidi Suhaimi.

Lihat sendiri

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

21000 KOMIT TEKNOLOGI  
100039916

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MARITIME CONSORTIUM MANAGEMENT SDN.BHD (MCM) SUBSIDIARI KEPADA GLOBAL CARRIERS BHD**

**Disediakan Oleh :**

**MOHD SUHAIDI BIN SUHAIMI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada :**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )**

**2005**

**1100039916**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **MOHD SUHAIDI BIN SUHAIMI**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : Mohd Suhaidi bin Suhaimi

Tarikh : .....

Disahkan oleh:



En Madzli b. Hj. Harun  
Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Madzli Harun selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah pelatih hargai.

Pelatih juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak MARITIME CONSORTIUM MANAGEMENT SDN. BHD. kerana memberikan pelatih peluang untuk menjalani latihan industri di syarikat tersebut. Jutaan terima kasih kepada En. Ng Tian Poh, Kapten Ng. Cheng Poh, En. Mansor bin Abdullah, Cik Afiza binti Nasir, Wan Nur Hasymy bin Wan Mansor dan semua kakitangan syarikat yang telah banyak membantu pelatih sepanjang latihan industri ini.

Tidak ketinggalan juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan mendedahkan pelatih dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum dipelajari dan ditempuhi sebelum ini.

## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>BIL PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	ii
<b>BAB 1</b>	
1.1 Latar Belakang Syarikat	1
1.2 Objektif Syarikat	5
1.3 Maklumat Organisasi	7
1.4 Kapal-kapal MCM	8
1.5 Fungsi bahagian utama	9
1.5.1 Bahagian Operasi	
1.5.2 Bahagian Krew	
1.5.3 Bahagian Teknikal	
1.6 Perkara yang perlu diberi tumpuan	12
<b>BAB 2</b>	
2.1 SISTEM KERJA: SISTEM KOMERSIAL OPERASI	15
2.1.1 Carta aliran sistem	17
2.1.2 Pengenalpastian masalah	18
2.1.3 Punca masalah	19
2.1.4 Kesan masalah	20
2.1.5 Cadangan penyelesaian	21
2.1.6 Implikasi cadangan dan kesan	22

2.2	SISTEM KERJA: SISTEM PEMBAYARAN DEMURRAGE	23
2.2.1	Carta aliran proses pembayaran ' <i>demurrage</i> '	26
2.2.2	Pengenalpastian masalah	27
2.2.3	Punca masalah	28
2.2.4	Kesan masalah	29
2.2.5	Cadangan penyelesaian	30
2.2.6	Implikasi cadangan dan kesan	31
2.3	SISTEM KERJA: PROSES PENERIMAAN DOKUMEN	32
2.3.1	Carta aliran sistem penerimaan dokumen	35
2.3.2	Pengenalpastian masalah	37
2.3.3	Punca masalah	38
2.3.4	Kesan masalah	39
2.3.5	Cadangan penyelesaian	40
2.3.6	Implikasi perlaksanaan dan kesan	41
<b>BAB 3</b>		
<b>PENUTUP</b>		
RUMUSAN DAN CADANGAN		42
<b>LAMPIRAN</b>		

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program pengajian di FPE kerana melalui latihan industri, penulis dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dengan kehidupan seharian serta realiti alam pekerjaan yang bakal ditempuhi nanti. Selain itu, melalui latihan industri ini, penulis turut didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar sebelum menamatkan pengajian di universiti. Setiap pengalaman yang dilalui oleh penulis sepanjang menjalani latihan industri akan dijadikan sebagai ilmu persediaan dalam mengharungi dunia pekerjaan apabila tamat pengajian nanti. Sepanjang 12 minggu yang diberikan, penulis telah ditempatkan di salah sebuah syarikat perkapalan yang terkenal di ibu negara iaitu Maritime Consortium Management Sdn.Bhd. (MCM). Ia adalah sebuah syarikat perkapalan yang ditubuhkan pada 24 November 1993 di Kuala Lumpur. Mempunyai 6 buah kapal tangki dan 2 buah kapal kontena syarikat ini telah tersenarai di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 2001. Aktiviti utamanya ialah memiliki kapal, pengurusan kapal, penyewaan dan broker kapal. Melalui latihan yang diberikan, penulis telah menemui beberapa sistem kerja yang perlu diberi perhatian dan tindakan. Penulis menekankan kepada sistem Komersial Operasi, sistem pembayaran *demurrage* dan sistem penerimaan dokumen dalam membentangkan, mengenalpasti masalah dan kesannya kepada syarikat. Selain itu juga penulis mencari punca dan cadangan kepada permasalahan tersebut seterusnya membincangkan implikasi terhadap perlaksanaan cadangan tersebut. Setiap permasalahan diolah serta digarap oleh penulis sendiri dan ia bertujuan untuk membantu syarikat mengenalpasti masalah yang dihadapi seterusnya mencari penyelesaiannya. Semoga apa yang dibincangkan dan diusulkan mendapat perhatian pihak yang terbabit dalam memajukan syarikat. Mencari, mengenalpasti, menganalisa dan memberi cadangan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul memberikan penulis satu kepuasan yang tidak pernah di rasai selama ini. Ia membuktikan penulis berkemampuan dan mampu mencapai tahap yang lebih tinggi jika terus berusaha dan yakin dengan diri sendiri. Harapan penulis agar apa yang akan disampaikan di dalam laporan ini dapat menyumbang kepada pembangunan pelajar-pelajar khususnya pelajar dari jurusan Sarjana Muda Pengurusan Maritim dan kepada bakal-bakal pelajar Fakulti Pengurusan Maritim yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.